

Ibu, adik Rasidi dipanggil semula untuk beri keterangan kes bunuh empat sekeluarga

# Tiada sejarah sakit mental

Kosmo 02 SEP 2010 M/S 11



**'Ampunkan dosa saya, mak'**  
Drama sedih dua beranak di lokasi pembunuhan

BERSEKUTUAN dengan isteri, Zaharah Atan, dan anak-anak, Siti Khadijah dan Ismail, Rasidi Ismail, 76, datuk, dan nenek, Sufiah Katas, 80, di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Batang Rokan antara pukul 7 dan 11 pagi 5 Januari lalu.

KERATAN Kosmo! 8 Januari 2010.

Oleh RAIS YEOP JOHARI  
rais.johari@kosmo.com.my

**SEREMBAN** - Zaharah Atan, ibu kepada Rasidi Ismail yang sedang menghadapi tuduhan membunuh empat ahli keluarganya, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam bahawa tiada ahli keluarganya mempunyai masalah sakit jiwa.

Zaharah, 59, saksi keempat kes itu yang dipanggil semula untuk memberikan keterangan ketika disoal oleh Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin dalam perbicaraan semalam berkata, dia dan suaminya juga tidak mempunyai masalah sakit jiwa. Katanya, tertuduh Rasidi, 32, pula membesar dalam persekitaran keluarga yang aman.

Beliau memberitahu, sebelum kejadian Rasidi juga tidak pernah mengatakan bahawa dia pernah mendengar apa-apa bisikan suara atau melihat tulisan di dinding.

"Rasidi seorang yang baik dan dia tiada masalah dengan keluarga dan jiran-jiran. Dia juga berjaya menamatkan pelajarannya di Universiti Teknologi Malaysia



**ZAHARAH** (kiri) dan Siti Mariam berjalan keluar dari Mahkamah Tinggi, Seremban 2 selepas memberi keterangan pada perbicaraan Rasidi semalam.

(UTM), Johor.

"Dia juga tidak pernah mempunyai masalah ketika di sekolah menengah," katanya.

Adik Rasidi, Siti Mariam Ismail, 19, yang merupakan saksi utama kes itu turut dipanggil semula dan

memberikan keterangan yang sama ketika diajukan soalan tersebut.

**WAN SHAHARUDDIN: Tahu atau tidak ibu bapa ada masalah mental?**

**SITI MARIAM:** Setahu saya



**SITI KHADIJAH**



**ISMAIL**



**SUFIAH**



**ATAN**

tidak ada.

Rasidi dituduh membunuh bapanya, Ismail Awang, 76, datuk, Atan Daud, 87, dan nenek, Sufiah Katas, 80, di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Batang Rokan antara pukul 7 dan 11 pagi 5 Januari lalu.

Tertuduh yang merupakan penganggur juga dituduh membunuh adiknya, Siti Khadijah, 22, di rumah bernombor 119, Kampung Batang Rokan pada tarikh dan waktu sama. Rasidi didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksamaan yang membawa hukuman mati jika sabit kesalahan.

Dalam pada itu, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Tampin, Asisten Supritendan Khairil Anuar Saidin yang dipanggil memberi keterangan berkata, siasatan mendapati ibu bapa tertuduh tidak ada masalah mental.

Bagaimanapun, katanya, ketika dia meniasat kes itu dia dapati adikalanya tertuduh dilihat seperti normal dan kadang-kadang menjadi sebaliknya.

**WAN SHAHARUDDIN: Ada-**

**kah jawapan yang diberikan itu boleh menunjukkan datang dari seseorang yang tidak siuman?**

**KHAIRIL ANUAR:** Adakalanya ada.

**WAN SHAHARUDDIN: Apa maksudnya adakalanya tak siuman?**

**KHAIRIL ANUAR:** Contohnya ketika menjalankan siasatan, tertuduh memberitahu dia mendapat arahan dari suara-suara, nampak tulisan. Bagi saya itu sesuatu tidak normal.

**WAN SHAHARUDDIN: Adakalanya normal?**

**KHAIRIL ANUAR:** Apabila ditanya di mana dia belajar, katanya di UTM, Johor dan sekolah agama. Kalau tidak normal tentu dia kata di Australia atau tempat lain.

Pendakwaan kes itu dikendalikan oleh Wan Shaharuddin manakala Rasidi diwakili peguam Hanif Hassan.

Perbicaraan di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Ahmad Nasfy Yasin bersambung hari ini.